

Hapuskan amalan

16 MAR 1990

KUALA LUMPUR — Malaysia menentang tindakan mengelaskan dua acara sukan yang berbeza di bawah satu peraturan dalam Sukan SEA, sebaliknya mahu amalan itu dihapuskan.

Demikian kata presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah, kelmarin.

Katanya, amalan itu bertentangan dengan undang-undang Persekutuan Sukan SEA (SGF).

Bercakap kepada para wartawan selepas mesyuarat MOM, Tan Sri Hamzah menyatakan empat acara sukan air telah disatukan.

Di samping itu, peraturan

tambahan diadakan bagi acara angkat berat dan arnis — sejenis seni mempertahankan diri Filipina — untuk Sukan SEA di Manila tahun depan.

Bina badan telah dimasukkan dalam acara angkat berat, sementara pencak silat di bawah kategori arnis.

Ini menambah bilangan acara kepada 29, melebihi maksimum 24 acara sukan.

"Malaysia hanya diberitahu bahawa Persekutuan Angkat Berat Antarabangsa (IWF) telah membantah tindakan itu semasa sukan itu berlangsung."

Presiden MOM itu akan menyatakan pendirian Malaysia dalam mesyuarat ja-

watankuasa peraturan SGF di Jakarta nanti.

Mengenal lima atlit yang mengambil dadah semasa Sukan SEA lalu, Tan Sri Hamzah menerangkan, sebagai tuan rumah Malaysia tidak akan melepaskan mereka yang mengambil dadah.

"Para atlit itu akan dihukum. SGF akan melucutkan pingat-pingat yang mereka menangi itu," tegasnya.

Sementara itu, MOM menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Hamzah untuk membuat tawaran rasmi bagi Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel 1998. — Bernama.

ATM sedia lahir atlit handal

23 MAR 1990 B. Hartan (M)

Oleh RAHIME YUSOF

PERSATUAN Seni Mempertahankan Diri Angkatan Tentera Malaysia (PSMDATM) akan menyediakan rancangan pembangunan bagi melahirkan peserta taekwondo, silat, karate-do dan judo berwibawa untuk mewakili negara pada Sukan SEA Manila '91.

Pengerusi PSMDATM, Lt Kolonel Zubir Haji Ibrahim, berkata usaha ini terpaksa dijalankan lebih sistematik bagi memenuhi tanggungjawab yang diserahkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN), minggu lalu.

"Kami sedia bekerjasama dengan MSN bagi melahirkan jaguh terbaik dikalangan anggota tentera dalam taekwondo, silat, karate-do dan judo," katanya.

Setakat ini kata beliau, PSMDATM berjaya menentang jaguh kebangsaan di bidang taekwondo dan silat.

Lt Kol Zubir berkata, dengan kerjasama MSN menubuh Pusat Cemerlang bagi seni mempertahankan diri usaha ini akan lebih berjaya lagi.

Sejauh ini, PSMDATM berjaya melahirkan Rashid Che Omar, Zainal Abiddin Mustapha, Musa Talib dan

Shamsuddin Che Mat mewakili negara bagi taekwondo.

Manakala Mazlan Shaari, Azam Mokhtar, Zainal Abiddin Amat dan Zakaria Hamzah mencipta nama dalam sukan silat.

Minggu lalu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk seri Najib Tun Razak, meminta ATM mengembalikan kemilangan sukan judo, di samping sukan seni mempertahankan diri lain.

Lt Kol Zubir berkata, PSMDATM menghadapi masalah bertanding atas bendera sendiri bagi silat kerana Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum menerimanya sebagai ahli gabungan.

Katanya, pesilat-pesilat ATM yang ada sekarang terpaksa menyertai mana-mana negeri atau pertubuhan silat bertaraf kebangsaan bagi menyertai kejuaraan.

"Ini salah satu masalah PSMDATM menentang pesilat berwibawa. Tetapi, saya akan berusaha menyakinkan Pesaka menjadi ahli gabungan," kata beliau.